



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**4 MAC 2015, RABU**

**TINDAKAN PENCEGAHAN MENANGANI CUACA PANAS DAN KERING**  
**SERTA KEMUNGKINAN BERLAKUNYA JEREBU**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan Bil 1. Tahun 2015 telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri G.Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 4 Mac 2015. Mesyuarat bertujuan menyelaraskan tindakan antara agensi bagi menangani cuaca panas dan kering serta kemungkinan berlakunya jerebu pada tahun 2015.
2. Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 1997 dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkait rapat dengan pengurusan bencana jerebu, antaranya seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,

Polis Di Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah.

3. Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:

a) Laporan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) bahawa Negara pada masa ini **sedang berada pada penghujung Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada penghujung bulan Mac 2015**. Oleh yang demikian, **kebanyakan kawasan terutamanya di Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang** menyebabkan berlakunya cuaca panas dan kering. Menjelang penghujung bulan Mac 2015 cuaca panas dan kering ini dijangka akan berakhir berikutan bermulanya musim peralihan yang akan membawa lebih banyak hujan;

b) Bagi menangani cuaca panas dan kering, setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu digesa untuk **mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka** yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan. Selain

itu, pihak **Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan** dan semua pemilik tanah dinasihatkan memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja;

c) Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengaktifkan **Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka di semua negeri bermula pada 16 Februari 2015**. Selain itu, bagi negeri-negeri yang melaksanakan Projek Pencegahan Pembakaran Di Tanah Gambut iaitu Selangor, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah, pemantauan yang lebih ketat di atas kawasan tanah gambut yang mudah terbakar dilaksanakan mengikut **Prosedur Tetap Operasi (PTO) Pencegahan Kebakaran Di Tanah Gambut**;

d) Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering turut dipertingkatkan ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu **pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri**;

e) **Pengeluaran Perintah Larangan Pembakaran Terbuka bagi seluruh negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya semenjak bulan Mac 2014**. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka

di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, grill/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring). **Perintah Larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuatkuasa;**

f) Berdasarkan hasil siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga **23 Februari 2015**, sebanyak 487 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan **kawasan hutan (69 kes), kawasan pertanian (138 kes), kawasan industri (2 kes), kawasan pembinaan (7 kes), tapak pelupusan sampah (17 kes), kawasan belukar (69 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (185 kes)**. Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak **23 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 7 kes telah dikeluarkan Notis Amaran**. Selain itu, sebanyak **1 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah;**

g) Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan yang proaktif dalam rundingan bagi menangani masalah jerebu merentas sempadan. Dalam hal ini, YB Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Alam Sekitar negara sub-serantau ASEAN iaitu **Mesyuarat Ke-17 Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on**

***Transboundary Haze Pollution*** pada bulan April 2015 di **Indonesia**. Mesyuarat tersebut dijangka akan membincangkan tindakan pencegahan dan kawalan jerebu merentas sempadan yang lebih menyeluruh selepas Kerajaan Indonesia akhirnya meratifikasi Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan yang telah ditandatangani oleh 10 buah negara ASEAN pada tahun 2002;

h) Di peringkat dua hala, Malaysia dan Indonesia kini sedang memuktamadkan draf Perjanjian Persefahaman (Memorandum of Understanding, MOU) bagi usaha-usaha pencegahan kebakaran tanah dan hutan serta jerebu dengan memberi penekanan kepada program-program pembangunan keupayaan (capacity building) dalam bidang penguatkuasaan undang-undang pencegahan pembakaran terbuka, pengurusan tanah gambut secara lestari, amalan pembakaran sifar, pemadaman kebakaran dan lain-lain bidang yang perlu dipersetujui secara bersama.

### **APLIKASI TELEFON PINTAR, INDEKS PENCEMAR UDARA “MyIPU”**

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah membangunkan aplikasi telefon pintar, Indeks Pencemar Udara “MyIPU”.

Aplikasi ini digunakan untuk memaklumkan orang ramai mengenai status terkini kualiti udara di seluruh Negara mengikut tahap-tahap tertentu iaitu baik (IPU di bawah 50), sederhana (IPU antara 51 hingga 100), tidak sihat (IPU antara 101 hingga 200), sangat tidak sihat (IPU 201 hingga 300) dan berbahaya (IPU melebihi 300).

Penggunaan aplikasi “MyIPU” membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat status kualiti udara secara tepat dan pantas untuk merancang aktiviti seharian mereka terutama semasa kejadian jerebu. Selain itu, aplikasi ini mempunyai empat (4) fungsi utama iaitu:-

1. Paparan peta geo-lokasi;
2. Senarai lokasi liputan;
3. Maklumat umum mengenai IPU; dan
4. Pengumuman

Aplikasi “MyIPU” ini boleh dimuat turun secara percuma melalui *Google Play* dan *Apps. Store*.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**4 MAC 2015**